



KENYATAAN MEDIA

YB EXCO PEMBANGUNAN WANITA & KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

KERAJAAN NEGERI SELANGOR PERKASA WANITA DAN PERKUKUH AGENDA PENDIDIKAN INKLUSIF MELALUI JELAJAH WANITA BERDAYA TAHAN SELANGOR 2026 ZON HULU LANGAT

BANGI, 4 JULAI 2026 – Kerajaan Negeri Selangor menerusi Wanita Berdaya Selangor (WBS) terus memperkukuh agenda pemerkasaan wanita dan kebajikan masyarakat melalui pelaksanaan Jelajah Wanita Berdaya Tahan Selangor 2026 Zon Hulu Langat yang berlangsung di Bangi Convention Centre, Bangi. Penganjuran siri jelajah ini merupakan langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam mendekati rakyat di peringkat akar umbi dengan menyediakan ruang sokongan, pembangunan kapasiti, peluang ekonomi, serta jaringan komuniti yang lebih inklusif.

Sebagai kesinambungan daripada Zon Petaling, siri jelajah ke Zon Hulu Langat ini memberi tumpuan khusus untuk meluaskan manfaat inisiatif Kerajaan Negeri kepada komuniti setempat, selaras dengan aspirasi Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026 serta Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2024–2030.

Pelaksanaan Jelajah Zon Hulu Langat memperkenalkan beberapa pengisian strategik utama seperti berikut:

- **Pengukuhan Ekonomi Penjagaan & Peruntukan PROSPER:** Menerusi penekanan terhadap perkongsian tanggungjawab di bawah agenda ekonomi penjagaan, program ini menyaksikan penyerahan sumbangan berjumlah RM15,000 oleh Yayasan Insan Istimewa Selangor (YANIS) bagi menjayakan Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (PROSPER) Negeri Selangor 2026. Penyerahan disempurnakan terus kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, bagi memberi manfaat kepada 432 murid dan 100 guru Pendidikan Khas serta menyokong perancangan pembukaan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di lapangan.

- **Memperkasa Ekonomi Wanita dan Laluan Kerjaya Masa Hadapan:** Mengetengahkan dua pengisian utama iaitu Karnival Kerjaya Wanita dan Bengkel Career Comeback Program (CCP). Inisiatif ini berfungsi membuka akses kepada peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran, serta kebolehpasaran wanita bagi memastikan mereka kekal relevan dalam mendepani transformasi digital dan landskap ekonomi masa hadapan.
- **Memperkasa Jaringan Strategik Rentas Agensi:** Hubungan kerjasama antara WBS, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) diperkukuhkan secara rasmi melalui Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pembangunan kerjaya wanita. Selain itu, sokongan holistik keluarga turut diperkuat melalui penyediaan saringan program kesihatan Selangor Saring serta pameran pelbagai agensi kerajaan.

Mengukuhkan Penyertaan Komuniti Melalui Platform Inklusif: Penganjuran aktiviti padang seperti Larian Mesra (Fun Run) dan Pertandingan Bintang Emas Selangor bertindak sebagai ruang interaksi masyarakat, pencarian bakat tempatan, serta galakan gaya hidup sihat secara inklusif.

Siri Jelajah Wanita Berdaya Tahan Selangor 2026 akan diteruskan ke zon seterusnya melibatkan Hulu Selangor, Gombak, dan Kuala Selangor. Inisiatif berterusan ini menjadi bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan agenda pemerksaan ini diperluaskan secara menyeluruh serta memberi impak tinggi kepada masyarakat.

Kerajaan Negeri Selangor kekal komited dalam membina ekosistem sokongan yang inklusif, berdaya tahan, dan progresif agar setiap lapisan masyarakat khususnya golongan wanita dan anak-anak istimewa di Selangor, mendapat akses saksama untuk berkembang seiring sosioekonomi negeri.

YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI

Pengerusi,

Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor